

JUMAAT, 2 JUN, 1978



DR. MAHATHIR

Missi Dr. M pulang bawa kejayaan di luar dugaan

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pulang dari lawatannya ke Eropah malam ini, bukan saja dengan anggaran pelaburan berjumlah \$500 juta bagi tempoh tiga tahun akan datang, juga keyakinan negara-negara itu terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

Sambil mensifatkan lawatannya sebagai lebih berjaya dari yang dijangkakan, beliau berkata dari jumlah pelaburan yang dianggarkan, termasuk projek aluminium berharga \$300 juta yang dirancangkan oleh usahawan Perancis di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri juga mengambil kesempatan lawatannya menerangkan maksud dan matlamat sebenar Akta Penyelarasan Perindustrian kepada para pelabur sambil menegaskan:

“ Kerajaan tidak menetapkan setiap projek perindustrian atau perniagaan mesti mempunyai ekuiti 30% Bumiputera, sebaliknya objektif Kerajaan ialah 30% secara menyeluruh.”

Dato Seri Dr. Mahathir pulang dari mengetuai rombongan 18 orang pegawai tinggi Malaysia ke Eropah, termasuk Britain dan Perancis untuk menarik pelaburan asing ke sini.

Sebanyak empat seminar galakan pelaburan diadakan di Birmingham, Frankfurt, Paris dan Copenhagen dan beratus-ratus usahawan menghadiri seminar itu serta mengemukakan berbagai soalan mengenai peluang-peluang dan kemudahan serta suasana pelaburan di negara ini.

Katanya, akhbar-akhbar tempatan di keempat negara itu juga memberi laporan yang lengkap di samping keluaran khas mengenai suasana pelaburan di Malaysia.

Dato Dr. Dr. Mahathir menyebut bahawa tidak ada usahawan asing yang bimbang atau ragu-ragu terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian yang dikuatkuasakan kecuali di Paris.

Bagaimanapun katanya, selepas penerangan jelas diberikan, mereka berkeyakinan penuh terhadap kestabilan ekonomi dan politik Malaysia.